

18/06/2001

Lapan lagi IPTA baru akan dibina

Noor Jaafar

KUALA TERENGGANU, Ahad - Kementerian Pendidikan merancang membina lapan lagi institusi pengajian tinggi awam (IPTA), bagi menampung lebih ramai pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata setakat ini 14 IPTA dan tiga IPTS yang ada tidak cukup untuk menampung pertambahan pelajar yang layak setiap tahun.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu lebih banyak IPTA diwujudkan kerana jumlah yang ada sekarang belum memadai," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) cawangan Terengganu di Hotel Grand Continental di sini, hari ini.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah), Datuk Idris Jusoh, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Seberang Takir, Datuk Abdul Rashid Ngah dan Presiden PKMM, Roslan Awang Chik, hadir sama.

Abdul Aziz berkata, penubuhan lapan universiti baru itu akan dibincangkan tahun depan, termasuk mengambil kira keperluan tenaga pengajar.

Selain itu, katanya, kementerian sedang membina 200 sekolah baru di seluruh negara, termasuk di Terengganu, bagi menampung perkembangan pesat bidang pendidikan.

"Kementerian Pendidikan akan membelanjakan RM1.5 bilion untuk membaikpulih sekolah yang rosak, membaiki pagar, padang, bilik darjah, bilik guru, bumbung, kantin dan makmal komputer," katanya.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, RM500 juta akan dibelanjakan tahun ini, RM500 juta lagi dalam fasa kedua dan selebihnya dalam fasa ketiga.

Kos membaikpulih setiap sekolah dijangka membabitkan perbelanjaan antara RM500,000 dan RM1.5 juta.

Abdul Aziz berkata, walaupun Terengganu dan Kelantan diperintah Pas, Kerajaan Pusat tidak pernah menyisihkan peluang rakyat untuk mendapat pendidikan seperti di negeri lain.

Bagaimanapun, beliau kesal tindakan kerajaan Pas negeri yang mempolitikkan pendidikan sehingga sanggup tidak meluluskan tanah untuk pembinaan sekolah baru di negeri ini.

"Tindakan kerajaan negeri mempolitikkan pendidikan akan merugikan rakyat termasuk tidak memperoleh peluang pekerjaan," katanya.

(END)